

EAEC perlu mantap

5 DEC 1993

Oleh BALA KUMAR

KUALA LUMPUR 5 Dis.—Konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) perlu dimantapkan lagi untuk mengeratkan hubungan kerjasama di kalangan negara-negara Asia Timur, kata Datuk Seri Dr. Mahathir ~~Mohamad~~ malam ini.

Perdana Menteri berkata, konsep itu diilhamkan untuk meningkatkan kerjasama serantau di samping menggalakkan perdagangan bebas.

"Negara-negara Asia Timur perlu berganding bahu bagi menyaingi kumpulan-kumpulan kerjasama di

Eropah dan Amerika Utara," katanya ketika merasmikan Simposium Kerjasama Perniagaan Rantau Pasifik di Hotel Istana di sini.

Menurutnya, dengan secara bersendirian tidak ada satu negara pun di Asia yang boleh memberi persaingan kepada kumpulan-kumpulan kerjasama perdagangan Barat.

EAEC juga adalah satu susulan yang bernas kepada kerjasama ekonomi Asia Timur pasca Perang Dunia Kedua, jelas beliau.

Perdana Menteri menjelaskan, konsep EAEC juga adalah penting bagi masyarakat perniagaan yang mana mereka boleh melu-

askan perniagaan ke pasaran antarabangsa.

Mengenai kestabilan politik, Dr. Mahathir berkata, jika sesebuah negara ingin memantapkan ekonominya, satu gandingan sistem ekonomi dengan penglibatan kerajaan yang tuntas diperlukan.

Katanya, adalah tidak bermakna jika negara-negara di rantau ini mengamalkan sistem demokrasi Barat yang terlalu bebas dengan ekonomi pasaran terbuka sedangkan ia tidak dapat menjanjikan kejayaan.

Beliau menambah, sistem demokrasi yang diamalkan di Asia tidak bermakna bahawa rakyatnya boleh bertindak liar.

"Kita memerlukan kestabilan politik, kepercayaan dan ketekalan untuk menyediakan iklim bagi kemajuan dan pembangunan ekonomi," jelas beliau.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, pembangunan ekonomi Asia telah mengatasi pembangunan ekonomi dunia dan sumbangan Asia kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dijangka meningkat daripada 25 peratus kepada kira-kira 33 peratus.

Mengenai ekonomi negara, Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia adalah antara negara yang berjaya mengubah corak ekonominya daripada berasaskan

pertanian kepada ekonomi berorientasikan eksport di samping mengesalkan inflasi pada paras yang rendah.

"Kita mencapai semua itu melalui usaha yang gigih dengan etika kerja yang bersesuaian tuntutan perindustrian," tambahnya.

Menurutnya, pembangunan ekonomi negara juga telah banyak dibantu oleh sektor swasta yang berani mengambil risiko.

Dr. Mahathir menambah, negara akan terus meningkatkan penabungan di samping memperluaskan sektor ekonomi supaya tidak bergantung kepada satu sektor sahaja.